

# Kakitangan, mahasiswa UMS disaran tanam pokok

um 28.5.2014 26

KOTA KINABALU 27 Mei - Setiap warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) disaran menanam sebatang pokok setiap tahun dan berbuat demikian pada sambutan hari lahir masing-masing.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Mohd. Haron Abdullah berkata, usaha itu mampu menjadikan persekitaran universiti berkenaan sebagai eko-kampus selain berupaya mengimbangi pencemaran alam sekitar.

"Aktiviti penanaman sebatang pokok bagi seorang

kakitangan dan mahasiswa mampu membendung krisis pemanasan global yang mula dihadapi dunia pada masa kini.

"Dianggarkan sebatang pokok yang ditanam dapat menyerap kira-kira satu tan karbon dioksida semasa hayatnya.

"Apabila 300 pokok ditanam, ia umpama mengimbangi pencemaran yang dilakukan oleh seorang individu dalam seumur hidupnya," katanya ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Perhutanan Sedunia 2014 kali ketujuh peringkat UMS di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Syahril Yusof.

Pada majlis itu, UMS melalui Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) turut menandatangani beberapa surat hasrat dengan tiga buah syarikat swasta.

Katanya, penglibatan SPTA merayakan Hari Perhutanan Sedunia itu dilihat dapat merapkan budaya prihatin dalam kalangan warga kampus mengenai kepentingan mengekalkan kawasan hutan yang ada.